



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**PEMBANTU STADIUM DAN KOMPLEKS SUKAN (D.3 EB.4-5)
JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PEMBANTU STADIUM DAN KOMPLEKS SUKAN
JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
D.3 EB.4-5 (\$900 - \$1,625 SEBULAN)
KEKOSONGAN = LIMA (05)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) *BDTVEC / BTEC* Sijil Kebangsaan Peringkat Biasa (*NC*) atau sebanding dalam bidang bersesuaian.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam jawatan yang bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan yang bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Membantu Ketua Pegawai Belia dan Sukan (Ketua Bahagian) / Pengurus Stadium dan Kompleks Sukan / Penolong Pengurus Stadium dan Kompleks Sukan dan Pengawas Padang dan Gelanggang Sukan dalam hal ehwal pengurusan / pentadbiran kompleks sukan;
2. Membantu menyelaras dalam penyediaan jadual penggunaan / peminjaman kemudahan sukan;
3. Membantu menyelaras di dalam kerja-kerja pemeliharaan dan pembersihan Kompleks;
4. Membantu menyelaras dalam menyelia pungutan hasil pendapatan bagi penyewaan kemudahan-kemudahan sukan;
5. Membantu menyediakan laporan bulanan dan tahunan Kompleks yang ditempatkan bertugas;



6. Membantu menyediakan laporan kerosakan Kompleks Sukan;
7. Terlibat sebagai Jawatankuasa dalam aktiviti-aktiviti Jabatan; dan
8. Menerima arahan dan melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh Ketua Bahagian / Pengurus Stadium dan Kompleks Sukan / Penolong Pengurus Stadium dan Kompleks Sukan / Pengawas Padang dan Gelanggang Sukan dari semasa ke semasa.